

Pelajar disyaki edar dadah dicekup

October 8, 2015, Thursday

Suspek antara empat beradik diberkas dalam serbuan polis di Permyjaya



SOAL SIASAT: Empat beradik tersebut dieskot bersama empat suspek dalam kes lain ke Balai Polis Pusat Miri petang semalam untuk disoal siasat lanjut.

// Oleh Rosemaria Buma //

MIRI: Empat beradik termasuk dua pelajar sekolah menengah telah diberkas polis pagi semalam kerana disyaki terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah.

Tangkapan ke atas mereka dibuat hasil serbuan sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri ke sebuah rumah di Bandar Baru Permyjaya di sini.

Berikutnya tangkapan itu, empat beradik terbabit yang berusia 24, 16, 15 dan 13 tahun kemudian dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk tindakan lanjut.

Menurut sumber, bertindak atas maklumat diterima, sepasukan polis diketuai Inspektor Shahibbul Najib Kamaruddin telah membuat serbuan ke sebuah rumah yang terletak di kawasan Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini.

Dalam serbuan dilakukan sekitar jam 10.30 pagi itu, polis telah menahan empat beradik terbabit terdiri daripada dua lelaki dan dua perempuan untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Polis membuat pemeriksaan lanjut dalam rumah itu telah menjumpai satu bekas plastik warna ungu berisi 10 peket plastik kecil lutsinar mengandungi ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis syabu dengan anggaran berat 6.16 gram.

Ketulan kristal disyaki dadah itu telah dirampas untuk dijadikan barang kes dan keempat-empat suspek dibawa ke pejabat BSJND Miri untuk menjalani ujian saringan awal air kencing.

Hasil ujian mendapati hanya suspek pertama positif dadah jenis Amphetamine.

Sehubungan itu mereka telah ditangkap mengikut Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membantu siasatan lanjut polis.

Menurut sumber, suspek telah memperoleh bekalan dadah itu daripada seorang wanita tempatan sebelum diedarkan di sekitar kawasan Tudan dan Permyjaya.

Manakala nilai dadah yang dirampas daripada suspek semalam dianggarkan RM2,150.